

TARIKH	13 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	33	RUANGAN	Nasional

TaHa suntik semangat pelajar

Seramai 253 pelajar daripada 36 sekolah menengah menyertai program bimbingan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2012 bertujuan memberi pendedahan berguna mengenai tip menjawab soalan peperiksaan secara tepat.

Timbalan Pengarah Tabung Haji negeri, Abd Shukor Jangga, berkata program itu sekali gus menyediakan bimbingan kepada calon PMR supaya lebih bersedia menghadapi peperiksaan awal Oktober ini.

Beliau bersyukur kerana peserta terdiri daripada ahli Kelab TaHa berpeluang mengikuti aktiviti yang dapat meningkatkan keupayaan menjawab soalan dengan tepat.

"Saya berharap usaha ini juga menyuntik semangat dan motivasi mereka untuk berjaya dalam

peperiksaan," katanya ketika dalam majlis penutup program sehari berlangsung di Institut Latihan Perindustrian di Selangor, Melaka, baru-baru ini.

Program anjuran Unit Pendidikan Berita Harian (BH) itu turut dihadiri Eksekutif Pemasaran Bahagian Khidmat Pelanggan, ibu pejabat Tabung Haji, Hasrul Nizam Halim dan Pengurus Tabung Haji cawangan Jasin, Rahmat Baba.

Pelajar Sekolah Menengah Arab Assaiyidah Khadijah, Merlimau, Nur SabrinaTajuddin, berkata banyak tip menjawab soalan diperoleh ketika mengikuti seminar berkenaan.

Katanya, penceramah memberi panduan menjawab dengan tepat selain menyelitkan elemen motivasi persiapan pelajar menjelang saat akhir peperiksaan.



Sebahagian pelajar yang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan PMR peringkat negeri Melaka di ILP, Selangor.